

**Gerakan Tangguh Pemilihan Parti  
Bernama  
29 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Persidangan Perwakilan Nasional Gerakan meluluskan beberapa cadangan pindaan perlembagaan parti itu termasuk usul menangguhkan pemilihan parti yang dijadualkan Mac tahun depan, lapan bulan selepas tarikh pilihan raya umum (PRU).

Cadangan itu, yang diterima sebulat suara oleh perwakilan Gerakan, dibentang Timbalan Speaker Datuk Gooi Hoe Hin pada persidangan perwakilan nasional parti itu di sini Sabtu.

"Pindaan itu akan membolehkan parti menghadapi PRU terlebih dahulu, dan dalam masa lapan bulan, baharu kita habiskan pemilihan parti itu, bermakna kita mahu lebih masa untuk pemilihan parti, supaya ia tak jejaskan usaha kita untuk hadapi PRU-13," katanya kepada kira-kira 747 perwakilan dari seluruh negara yang menghadiri persidangan dua hari dan dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Ahad.

Sementara itu, ketika membentangkan cadangan tersebut, Gooi berkata sebelum ini, berdasarkan Artikel 43.1 Perlembagaan Parti Gerakan, Jawatankuasa Kerja Pusat dengan kebenaran Jawatankuasa Pusat, mempunyai kuasa untuk menangguhkan pemilihan parti kepada satu tarikh lain dalam tempoh 15 bulan.

Selain itu, Jawatankuasa Pusat membatalkan Artikel 96.2 dalam perlembagaan parti serta meluluskan penambahan Artikel 96.3 bagi membenarkan pelajar universiti menyertai parti tersebut selaras dengan pemansuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698487>